

Shafie Dilantik Pro-Canselor UMS

UB 11.1.2019 8

SHAFIE (kiri) menerima
watikah pemasyhuran dari
Juhar sempena majlis itu.

KETUA Menteri Sabah, Datuk Seri Shafie Apdal dan Pengerusi Eksekutif Amcorp Group Berhad, Tan Sri Azman Hashim dilantik sebagai pro-canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) baharu untuk tempoh 3 tahun, berkuatkuasa 1 Oktober lalu hingga 30 September 2021.

Pelantikan kedua-dua tokoh itu dibuat Kementerian Pendidikan dan diumumkan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin pada Majlis Konvokesyen UMS ke-20 baru-baru ini.

Surat watikah pelantikan kepada kedua-dua pro-canselor UMS baharu itu disampaikan Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin merangkap canselor UMS di hadapan 793 graduan pada sidang pertama konvokesyen itu.

Shafie, seorang anak jati Sabah berasal dari Semporna adalah tokoh pemimpin yang tidak asing lagi di negeri ini.

Dilahirkan pada 20 Oktober 1957, beliau mendapat pelajaran menengah di Victoria Institution, Kuala Lumpur sebelum memperolehi Diploma dalam Pengurusan dan Perkapalan dari Kolej Perniagaan London dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi dengan Kepujian daripada Politeknik Staffordshire Utara di England.

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam sebagai Pegawai Ahli Ekonomi di Kementerian Kewangan Negeri Sabah pada tahun 1982, dan pernah menyandang beberapa jawatan termasuklah sebagai Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Ketua Menteri Negeri Sabah, dan Penolong Setiausaha Kanan di Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Luar Bandar Sabah.

Beliau memulakan karier politik pada tahun 1991 apabila dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Sakaran Dandai. Sepanjang penglibatannya dalam arena politik tanah air, beliau pernah dilantik sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Timbalan Menteri Pertahanan, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia, Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, serta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Pada tahun 2016, beliau menubuhkan Parti Warisan Sabah (Warisan) dan partinya itu telah melakar sejarah baharu buat negeri Sabah apabila memenangi Pilihanraya Umum ke-14 dan berjaya membentuk kerajaan baru Sabah.

